

## ISU-ISU SALAH FAHAM HADITH DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Amran Abdul Halim  
Abdulloh Salaeh  
Shumsuddin Yabi  
Walid Mohd Said  
Mesbahul Haque  
Helimy Aris

### ABSTRAK

*Kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh Al-Quran, hadith itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam Al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat. Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka. Oleh itu, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti serta mengupas isu-isu salah faham hadith yang mengelirukan masyarakat di Malaysia. Penulis cuba meneliti dan menganalisis isu-isu tersebut melalui media sosial seperti artikel, laporan akhbar Malaysia dan lain-lain yang berkaitan isu-isu salah faham hadith di Malaysia. Antara sebab berlakunya kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap hadith ialah dengan berkembangnya teknologi, masyarakat mendapat dan mentafsir maklumat mengenai hadith tanpa merujuk ahli agama, menggunakan logik akal dalam penafsiran hadis, memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid, salah faham terhadap pendekatan kontekstual dan lain-lain. Hasil dari penulisan ini diharap dapat membantu penyelidik khususnya serta umat Islam amnya dalam memahami hadith-hadith Rasulullah saw dengan baik tanpa ada sebarang kekeliruan dan seterusnya masyarakat Islam tidak lagi terjebak dengan kekeliruan yang boleh memesongkan akidah mereka dan seterusnya dapat beramal dengan baik bertepatan dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.*

Keyword: Sunnah, media massa, anti hadith, Islam Liberal.

### Pengenalan

Sunnah Nabawiyah atau hadith adalah sumber rujukan kedua yang utama di dalam Islam. Hal ini kerana sumber berkenaan telah dinyatakan melalui, al-Quran dan hadith malah sarjana Muslim juga turut bersepatat bahawa hadis Nabi berkenaan memainkan peranan penting dalam proses penetapan sesuatu hukum. Peranannya adalah sebagaimana penggunaan al-Quran dalam penentuan hukum hakam syariat islam. Tetapi disebabkan faktor-faktor yang tertentu kesucian hadith telah diancam dan perkara tersebut telah mengakibatkan hadith yang wujud pada hari ini menjadi pelbagai status yang mana terdapat hadith yang sahih, hasan, dha'if, dan yang palsu. Oleh itu, tidak semua perkara yang berkaitan dengan hadith atau sunnah semestinya betul kerana

boleh jadi sumber yang digunakan tidak boleh digunakan sebagai hujah atau keterangan. (Mohd Farhan Md Ariffin, 2016)

Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah dan hambaNya di muka bumi ini. Tugas sebagai khalifah untuk mentadbir bumi dibekalkan dengan al-Quran dan Al-Hadith sebagai panduan. Ianya adalah di antara nikmat terbesar yang dikurniakan Allah s.w.t kepada umat ini iaitu menerima harta pusaka Rasulullah s.a.w, wahyu al-Qur`an dan al-hadith yang menjamin daripada kesesatan selagi kita berpegang teguh dengan kedua-duanya. Hadis-hadis telah diterima dan dijaga oleh para sahabat seterusnya sampai kepada kita hari ini. Para ulama telah menulis dan membukukan hadis dengan pelbagai metode yang membuktikan kepada kita bahawa mereka sudahpun memiliki metodologi dalam kajian dan penulisan mereka.

Kedudukan hadith sebagai sumber kedua syariat Islam telah diakui oleh Al-Quran, hadith itu sendiri dan juga ulama-ulama Islam dari masa lalu hingga kini. Kepentingannya tidak dapat dinafikan tanpa hadis manusia yang tidak dapat mengenali, memahami dan mengamalkan ajaran Allah yang terkandung dalam Al-Quran. Perkembangan ilmu sentiasa berterusan daripada semasa ke semasa dan tidak akan terhenti sehinggalah berlakunya hari kiamat. Manusia sentiasa memerlukan pengetahuan kerana dengan pengetahuan itu mereka akan menjadi lebih dekat satu sama lain dengan pencipta mereka.

Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal *al-Sunnah* adalah merupakan tafsiran, penerangan atau huraian maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an<sup>1</sup>. Segala kesamaran, sama ada yang umum dan sebagainya, atau segala maksud yang tersirat yang susah difahami oleh umat Islam, maka *al-Sunnah* yang akan mengkhusus dan menjelaskan dengan lebih terperinci. Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat melaksanakan ajaran Islam dengan sempurna seandainya tidak berpandukan kepada *al-Sunnah*. Seandainya al-Qur'an tidak memerlukan penjelasan dari hadith-hadith atau *al-Sunnah*, bagaimanakah cara-cara untuk kita mengerjakan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan lain-lain, walaupun kesemua perkara tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an?

Terdapat dalil atau bukti yang menunjukkan al-Qur'an memerlukan pentafsiran, penjelasan atau penerangan dari Rasul Allah SAW iaitu sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Kami turunkan kepada kamu al-Qur'an, agar kamu menjelaskan kepada umat manusia terhadap apa yang diturunkan kepada mereka agar mereka berfikir".

Surah al-Nahl: 44

Penjelasan dan penerangan Rasul Allah SAW adalah dengan perkataan, perbuatan atau *taqrir* (persetujuan) Baginda SAW terhadap perkataan dan perbuatan para sahabat, yang mana semuanya ini adalah diistilahkan dengan *al-Sunnah* atau hadith.

*Al-Sunnah* adalah merupakan wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS. Sebahagiannya melalui ilham kepada Nabi SAW, dan ada juga yang merupakan ijtihad Nabi SAW hasil pengetahuan baginda dalam ilmu al-Qur'an, kaedah-kaedah

---

<sup>1</sup> Abu Syahbah Muhammad ibn Muhammad, *Difa' 'an al-Sunnah* (Beirut: Dar al-Jil, 1991), 13.

syariat dan lain-lain kelebihan yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad SAW.<sup>2</sup>

Oleh yang demikian, semua masyarakat Islam yang dianggap sebaik-baik umat, iaitu umat Nabi Muhammad SAW, tanpa mengira bangsa, keturunan, pangkat atau warna kulit, diseru supaya patuh dan taat terhadap apa-apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sama ada *al-Sunnah* itu merupakan wahyu ataupun ijtihad Nabi SAW, sebagaimana yang dapat difahami dari maksud firman Allah S.W.T.:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ، إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya: "Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan melalui hawa nafsu semata-mata, melainkan ia adalah wahyu yang dituturkan kepadanya".

Surah *al-Najm* (53): 3-4

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: "Segala apa yang dibawa oleh Rasul hendaklah kamu ambil, dan segala yang dilarang olehnya maka hendaklah kamu jauhinya".

Surah *al-Hasyr* (59): 7

Ayat di atas berkaitan dengan kewajipan menerima segala syariat dan sunnah yang disampaikan oleh Rasul Allah SAW dan larangannya ialah menjauhi segala tegahan atau apa-apa yang tidak disyariatkan oleh Rasul Allah SAW.

### **Isu-Isu Salah Faham Hadith Di Malaysia**

Pemahaman tentang ilmu hadith adalah penting untuk menghasilkan penafsiran yang betul mengenai hadith. Menurut Ibnu Qayyim dalam kitab *al-Ruh* menjelaskan bahawa umat Islam seharusnya memahami dari Nabi SAW apa yang di maksudkannya tanpa melampaui dan mengurangkan dan jangan sekali-kali memahami ucapan Nabi saw dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggung jawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah saw daripada petunjuk dan penjelasan.

Menurut Yusuf Al-Qardawi (2006), terdapat lapan disiplin yang diperlukan untuk memahami suatu hadis. Antaranya ialah, memahami hadis berdasarkan al-Quran, menghimpunkan hadis yang berkaitan dalam satu tajuk, mentarjihkan hadis yang kelihatan bercanggah, memahami hadis berdasarkan asbab al-wurud, membezakan wasilah yang berubah dan tujuan yang tetap, memisahkan perkara yang hakiki dan simbolik, memahami antara yang ghaib dan nyata serta memastikan makna sebenar bagi lafaz hadis.

---

<sup>2</sup> Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan bid'ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 2.

### **Isu-Isu Salah Faham Hadith Di Malaysia**

Pemahaman tentang ilmu hadith adalah penting untuk menghasilkan penafsiran yang betul mengenai hadith. Ibnu Qayyim dalam kitab al-Ruh pernah menyatakan:

*Kita seharusnya memahami dari Nabi apa yang di maksudkannya tanpa melampaui dan mengurangkan dan jangan sekali-kali memahami ucapan nabi dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggung jawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah daripada petunjuk dan penjelasan.*


Terdapat beberapa isu dalam memahami hadis di Malaysia yang boleh dirumuskan kepada empat isu. Isu ini dilakukan oleh orang perseorangan, kumpulan seperti anti hadis, Islam Liberal serta kumpulan sufi yang menyeleweng seperti Dar al-Arqam. Berikut adalah isu-isunya :

### **Menggunakan Logik Akal Dalam Penafsiran Hadis**

Golongan anti hadith dan Islam Liberal di Malaysia banyak menggunakan kaedah logik akal mereka dalam memahami hadith nabi s.a.w. Intrepretasi mereka terhadap hadith-hadith nabi kesemuanya berasaskan akal mereka semata-mata.

Kassim Ahmad pernah menyatakan: Agama itu akal, tiada agama kalau tiada akal. Hadis ini selaras dengan ajaran al-Qur'an bahawa tiada siapa boleh beriman kecuali dengan izin Allah dan Dia menghalang mereka yang tidak menggunakan akal (lihat alQur'an 10:100). Jelas dari ayat ini bahawa iman dan akal itu selaras. Jika iman kita tidak dapat diterima oleh akal, maka iman itu cacat, sebaliknya, jika kita menolak kepercayaan kepada Tuhan dan Hari Pembalasan, maka akal kita cacat.

## *Kassim Ahmad: Rasulullah tidak perlu dimuliakan, tegakan revolusi dan tafsir semula Al Quran*



Kassim Ahmad dan buku beliau tahun 1986 yang menjadi kontroversi dan kesedaran masyarakat Melayu-Islam mengenai golongan Anti Hadis ini

Ucapan kontroversi Kassim Ahmad dalam program “Pemikiran Kassim Ahmad: Satu Penilaian” minggu lepas, yang begitu tersasar dari kefahaman dan penerimaan mengenai asas tauhid dan Islam oleh majoriti Melayu-Islam Malaysia sebagai Ahl Sunnah Wal Jama’ah, termasuk hubungan mereka dengan Nabi Muhammad S.A.W..

### **Teks Ucapan Kassim Ahmad**

Pergantungan penuh beliau kepada akal semata-mata, menyebabkan beliau menolak hadis-hadis Nabi SAW sebagai sumber hukum.

#### **Memahami Hadis Tanpa Mengambil Kira Maqasid**

Mengambil kira maqasid dalam memahami hadis merupakan asas bagi sesiapa yang ingin memperbaiki pemahamannya terhadap nas syarak. Para ulama bersepakat bahawa syariat datang bagi menyempurnakan masalah manusia dan menjauhi mereka daripada kerosakan dalam kehidupan dan pada hari akhirat. Imam al-Syatibi menjelaskan bahawa “sesungguhnya perletakan syariat adalah untuk masalah hamba sama ada segera atau kemudian. (Al-Shatibi 2006).

Antara contoh kegagalan mengambil kira maqasid dalam memahami hadis adalah seperti hadis ziarah ke masjid al-Aqsa:

Maksudnya: *Tidak perlu bersusah –susah melakukan perjalanan melainkan ke tiga masjid: al-Masjid al-Haram, Masjid al-Rasul dan Masjid al-Aqsa*

Akhir-akhir ini terdapat beberapa syarikat pelancongan yang menawarkan lawatan ke Masjid al-Aqsa. Pasti tawaran itu mendapat sambutan daripada kalangan umat Islam yang berada dengan segala senang hatinya tanpa berfikir dan bertanya pandangan Islam mengenainya. Mereka menganggap ini satu peluang keemasan untuk menziarahi masjid yang digalakkan oleh Nabi s.a.w. sendiri supaya menziarahinya. Menurut Dr. Anas Jarrab, berlaku perselisihan pendapat di kalangan ulama berhubung persoalan ini. Ada yang berpendapat boleh dan ada juga yang mengatakan haram. Setiap golongan mengemukakan hujah serta dalil masing-masing.

### **Salah Faham Terhadap Pendekatan Kontekstual**

Tanpa memahami motif di sebalik penyampaian sesebuah hadith, suasana psikologi dan sasaran ucapan nabi s.a.w maka berkemungkinan berlakunya salah faham terhadap hadith nabi s.a.w. Justeru pemahaman secara kontekstual dapat membantu menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat kontemporari masa kini. Pemahaman dan penerapan hadith secara kontekstual dilakukan apabila disebalik teks suatu hadith ada petunjuk kuat yang mengharuskan hadith yang bersangkutan difahami dan diterapkan tidak sebagaimana maknanya yang tersurat (tekstual).

Contoh hadis daripada Ummu Salamah maksudnya:

Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, al-Mahdi daripada keturunanku daripada anak Fatimah (*Sulayman bin al-Ash'ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Mahdi, no hadith 3735*).

Terdapat golongan yang menolak hadith-hadith mengenai Imam Mahdi dengan cara memahaminya dalam konteks sejarah yang tidak benar kerana wujudnya kisah tersebut dalam agama-agama lain. Kajian Weber berkaitan ilmu al-Ijtima' al-Dini (kemasyarakatan beragama) membuktikan bahawa umat yang menghadapi tekanan secara berterusan, kesusahan, kemiskinan dan kepayahan dalam tempoh yang lama sentiasa menunggu secara kebiasaannya penyelamat tuhan khayalan yang dapat merubah hidup mereka dan menyelamatkan mereka daripada belenggu penderitaan

Al-Khatib pula menjelaskan hadith-hadith ini bukan merupakan hadith-hadith yang mutawatir yang mempunyai petunjuk yang qat'i dan mengandungi hukum yang perlu diikuti. Penciptanya cuba menambah dalam Islam apa yang wujud dalam kitab-kitab terdahulu sehingga jika ahli kitab menceritakan mengenai imam yang ditunggu, orang Islam pula boleh menyatakan dalam agama kami pun ada seperti dalam agama kamu. Riwayat-riwayat ini juga kebanyakannya disampaikan oleh kumpulan yang baru masuk Islam daripada kalangan ulama ahli kitab seperti Ka'ab al-Akbar dan selainnya. Pendirian ulama Islam dalam hal ini ada yang menerima bulat-bulat dan ada pula yang mengambil sedikit sahaja dan menolak banyak riwayat. Menurut mereka isu ini tidak mengubah wajah Islam dan tidak merubah sedikitpun hakikat Islam.

## Isu Hadith Pengharaman Emas Dan Kain Sutera Kepada Lelaki

Dalam penulisan tafsiran Edip Yuksel juga, mereka menafikan hadith nabi yang mengharamkan kaum lelaki memakai emas dan kain sutera. Mereka mengatakan ia tidak haram kepada sesiapa untuk memakainya. Sebaliknya mengharamkan nikmat Tuhan menggunakan nama-Nya adalah sebenarnya sebesar-besar dosa (Muhammad Nasir, 1995).

Ini adalah salah satu metodologi mereka yang dapat dikesan walaupun tidak dinyatakan ialah mereka akan cuba mendapatkan maklumat mengenai sesuatu isu daripada sumber-sumber Islam. Kemudian mereka akan menganalisis dan memberikan pandangan yang bertentangan sebagai alternatif hanya untuk menunjukkan pembaharuan tanpa dibuktikan alasan yang kukuh

## Salah Faham Tentang Hadith Menyebabkan Percaya Bumi Adalah Datar.



Pada zaman Rasulullah SAW, sahabat dididik mengetahui waktu solat berdasarkan pergerakan dan fenomena jasad samawi, khususnya matahari yang akhirnya berkembang kepada hitungan matematik berasaskan trigonometri sfera.

Rasulullah SAW bersabda: “Jibril AS mengimamiku di sisi Baitullah dua kali. Jibril solat Zohor bersamaku tatkala matahari tergelincir (condong) ke barat sepanjang tali sandal.” (HR Abu Daud)

Begitu juga hitungan carian arah kiblat, keterbatasan manusia dalam ilmu matematik dan geografi menyebabkan umat Islam berpegang kepada sabda Rasulullah SAW: “Mana-mana kawasan yang terletak antara timur dan barat, adanya Kiblat.” (HR Tirmizi).

Perkembangan dalam matematik menyaksikan sarjana Muslim memperkenalkan teori trigonometri sfera untuk memudahkan hitungan carian arah kiblat dengan mengambil kira bentuk bumi yang sfera dan bukannya mendatar. Pada zaman Rasulullah SAW, hadis ini betul daripada sudut pemahaman literal kerana dalam banyak keadaan, pergerakan Baginda terhad di Semenanjung Tanah Arab.

Justeru kiblat memang terletak antara kawasan utara atau selatan tetapi selepas perkembangan Islam ke luar wilayah itu, hadis ini tidak boleh difahami secara tekstual semata-mata.

Malah dalam pengiraan waktu solat, untuk mengetahui waktu tergelincir matahari dari timur ke barat, pencerap secara tradisionalnya akan melihat bayang-bayang objek pada waktu tengah hari, membabitkan waktu istiwa atau rebang dan waktu Zohor.

Berdasarkan perkembangan matematik, fenomena itu hanya boleh diukur dengan menggunakan trigonometri sfera dan data efemeris matahari. Kelompok pendakwa bumi mendatar supaya dapat mengeluarkan kaedah boleh digunakan dengan mengambil konsep bumi mendatar dalam pengiraan atau hitungan waktu solat dan carian arah kiblat. Golongan ini menzalimi diri kerana mempercayai konsep yang tidak mempedulikan aspek ibadat terpenting bagi umat Islam (Latifah & Aizat, 2019). Perjuangan mereka mencerminkan sikap obses kepada perkara remeh-temeh dalam kehidupan dan sikap terpengaruh terhadap teori konspirasi.

### **Salah faham konsep jihad**

Terdapat juga salah faham terhadap hadis dan juga ayat al-Quran yang menerangkan konsep jihad dalam Islam. Umat Islam sering menafsir jihad sebagai berperang menentang orang bukan Islam menggunakan persenjataan semata-mata. Sebuah artikel yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menolak kefahaman ini dan menerangkan bahawa istilah jihad secara umum ditakrifkan sebagai ‘bersusah payah’ dan ‘mengerah tenaga’ (Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). Oleh itu, dalam konteks jihad dalam agama Islam, ia lebih luas daripada sekadar berperang. Bersusah payah melawan nafsu syahwat, bersusah payah dalam menyebarkan kebaikan (amar bil ma’ruf), bersusah payah dalam mencegah kemungkaran (nahi-‘anil-mungkar), bersusah payah dalam berdakwah, dan bersusah payah dalam menuntut ilmu juga termasuk dalam pengertian jihad.

Sekitar tahun 2014, hangat diperkatakan tentang kumpulan pengganas Islamic State of Iraq and the Levant (ISIS) yang menjadikan system khilafah sebagai landasan jihad mereka. Menurut Zulkarnain Harun, naratif kumpulan pengganas ISIS adalah mengembalikan kegemilangan pemerintahan khalifah Islam (Haron, 2014). Sememangnya terdapat hadith Nabi SAW yang menjelaskan tentang pimpinan umat Islam secara khalifah

*“Adalah bagi Bani Israil, mereka diuruskan urusannya oleh para nabi (tasusuhumul anbiya). Ketika seorang nabi wafat, nabi yang lain datang menggantinya. Tidak ada nabi setelahku, namun akan ada ramai para khilafah.”*

(Riwayat Bukhari (3455) dan Muslim (1842))





Rajah 4: Anggota penganas ISIS yang bertopengkan agama Islam.

Namun, prinsip jihad ISIS telah jauh terpesong sama sekali apabila jihad yang ditonjolkan adalah membunuh sesiapa sahaja yang tidak menyokong perjuangan mereka, membunuh golongan yang tidak sama ideologi dengan mereka, membunuh tentera-tentera Iraq, dan orang-orang awam yang tidak bersalah (Haron, 2014). Keadaan ini sangat berbeza dengan konsep jihad yang dianjurkan oleh agama Islam.

## Penutup

Berdasarkan penulisan di atas, dapatlah dilihat bahawa masih terdapat dari mana-mana kelompok masyarakat yang tidak dapat memahami maksud hadith dengan baik. Ini adalah disebabkan mereka memahami maksud hadith secara zahirnya sahaja tanpa melihat kepada maksud konteks hadith yang sebenar.

Mereka juga gagal merujuk kepada penjelasan para ulama terhadap huraian sesuatu hadith yang boleh didapati dari mana-mana kitab syarah hadith seperti *Fath al-Bari*, *Syarah Sahih Muslim*, dan juga kitab-kitab syarah hadith yang lain sama ada terdahulu dan semasa. Mereka juga tidak merujuk kepada ulama yang ada yang pakar dalam bidang hadith dan juga bidang-bidang yang lain. Mereka hanya mengambil jalan mudah dengan hanya melihat kepada terjemahan zahir kepada sesuatu hadith tanpa memahami pendetailannya.

Berdasarkan penulisan ini juga dapatlah disimpulkan bahawa pengajian hadis dalam kalangan masyarakat adalah amat penting dan tidak boleh diabaikan. Kita tidak boleh memandang ringan berkenaan hal ini kerana kesalahan dalam memahami hadis akan mengakibatkan kita terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar dan semakin jauh daripada sunnah Rasulullah saw. Kesemua salah faham tersebut dapat diperbetulkan dengan pendedahan ilmu hadith yang perlu diambil berat oleh seluruh lapisan masyarakat.

Penulisan di atas hanya sebahagian sahaja dari salah faham masyarakat terhadap hadith-hadith Rasulullah saw. Banyak lagi isu-isu lain yang tidak dijelaskan di sini berkenaan perkara tersebut disebabkan keterbatasan kajian seperti kelebihan membaca Surah al-Ikhlâs, Salah Faham Doa Rasulullah yang ingin hidup dan mati dalam keadaan miskin, bacaan surah al-qadr sebanyak 7 kali pada tanah kubur supaya mayat tidak diazab, salah faham tentang hadith habbatus sauda'

penawar penyakit dan lain-lain. Adalah amat diharapkan dari hasil penulisan ini, dapat menjadi rujukan untuk umat Islam bagi merungkai dan menyelesaikan segala kesilapfahaman masyarakat terhadap beberapa isu sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

## Bibliografi

- Al-Syatibi, Ibrahim ibn. Musa, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.
- Asnawi Haji Ehsan, 2003, Ilmu Hadis: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 157
- Ahmad Sanusi Azmi, Zuhilmi Mohamed Nor, Mohd Norzi Nasir, (2017) *Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- 'Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Makanatuha fi al-Tasyri'*. T.t. dan t.t.p.
- 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath, *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t.
- Ahmad, K., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. F. (2015). *Salah Faham Terhadap Istilah "Makanan Sunnah" dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis*. Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammd ibn Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.
- Faisal Ahmad Shah Mohamad, Hasbullah Salim (2008), Pengaruh Sahih al-Bukhari dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan, *Jurnal Perspektif* Jil. 2 Bil. 2 (1-17) ISSN 1985 - 496X.
- Hasliza Hassan (2019), *Pelajari Hadis Perlu Berguru Elak Salah Tafsir*, Rencana Agama, Berita Harian, 14 Oktober 2019
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, c. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, 1994.
- Ibn Rajab al-Hanbali, 'Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din ibn Ahmad ibn Rajab al-Hanbali, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Dar al-Khayr, 1993.
- Mohammad Mustaqim bin Malek (2019), *Habbatus Sauda' Penawar Penyakit?*, Utusan Malaysia, 15 Julai 2019.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), *Irsyad Al-Qari': Bi Syarhi Mukhtasar Sahih Al-Bukhari*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2019), *Bayan Linnas Siri Ke-165: Lalat Dalam Al-Quran Dan Al-Hadith: Amthal, Kajian Saintifik Dan Jawapan Terhadap Salah Faham*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Malaysia.
- Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan*. (2018). Retrieved from TASHIH AL-MAFAHIM #1:JIHAD BUKAN PERANG SEMATA-MATA <https://muftiwp.gov.my/artikel/tashih-al-mafahim/2547-tashih-al-mafahim-1-jihad-bukan-perang-semata-mata>